



AKHBAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	11/12/2019	MUKA SURAT : 43
JABATAN	:	JPS	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Bimbang air pasang bertembung hujian lebat

NADMA buat persiapan, pantau banjir landa Kota Tinggi

Oleh Mohamed Farid Noh farid_noh@bh.com.my

Kota Tinggi: Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sudah membuat persiapan sepenuhnya jika air laut pasang bertembung dengan hujian lebat, sekali gus mengakibatkan banjir di daerah ini. Pengarah Bahagian Pembangu-

nan Komuniti dan Sosial NADMA, Hussain Moh, berkata ia berikutan amaran berjaga-jaga dikeluarkan Jabatan Meteorologi di daerah ini sejak malam kelmarin.

Katanya, hujian lebat kira-kira 12 jam kelmarin menyebabkan hampir 800 penduduk di tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Johor Lama, Sedili dan Tanjung Surat kini dipindahkan di lima pusat pemindahan sementara (PPS).

"NADMA memantau keadaan terkini hujian lebat mula melanda daerah ini dan dibimbangi bertembung air pasang besar. "Bagaimanapun, persiapan su-



Cai Tung (dua dari kiri) menyampaikan kit keperluan harian kepada mangsa banjir di PPS Kolej Tinggi, semalam.

dah dibuat dengan bantuan pelbagai agensi penyelamat sedia bergerak," katanya di PPS Kolej Vokasional Kota Tinggi, di sini, semalam.

Beliau mengiringi Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat Johor, Liow Cai Tung, melawat mangsa banjir di PPS berkenaan.

Terdahulu Cai Tung menyampaikan sumbangan kit barang keperluan harian sumbangan NADMA dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada 526 mangsa banjir di PPS berkenaan.

Cai Tung berkata, kerajaan negeri membantu dari segi tenaga

kerja sukarelawan bagi membantu mangsa banjir terjejas.

"Kerajaan Johor berterima kasih dengan NADMA dan agensi penyelamat termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Fakta Nombor

717 mangsa

banjir di Kota Tinggi
babitkan 181 keluarga

(JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Kesihatan Negeri Johor serta JKW," katanya.

Sementara itu, jumlah mangsa banjir di Kota Tinggi meningkat kepada 717 orang memabitkan 181 keluarga sehingga jam 6 petang semalam, berbanding 711 mangsa pagi semalam.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Kota Tinggi, berkata ia berikutan pertambahan mangsa di pusat pemindahan sementara (PPS) di Sekolah Kebangsaan (SK) Mawai yang mula dibuka sejak malam kelmarin. Setakat ini, lima PPS dibuka di daerah ini.